

BAB 1

PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu ibadah asas dalam Islam. Pensyariatan zakat bertujuan untuk menyucikan jiwa dan membersihkan harta. Dalam konteks kepentingan umum, zakat merupakan satu mekanisme syariat yang bermatlamat mencapai keadilan sosial khasnya dari sudut ekonomi. Oleh itu, perbincangan mengenai zakat lazimnya menjurus kepada pentadbiran harta zakat. Selaras dengan peredaran zaman dan perkembangan pesat komuniti umat Islam, urus tadbir zakat memasuki era baru baru dengan lebih sistematik seiring dengan peningkatan jumlah pembayar, nilai,¹ dan penerima zakat. Peningkatan ini membuka ruang kepada umat Islam untuk mencari kaedah dan model terbaik di dalam mentadbir harta zakat. Penubuhan pelbagai institusi zakat di serata pelusuk negara umat Islam telah menjadi titik tolak kepada perkembangan tugas amil dan perubahan persepsi umat terhadap peranan mereka.

Sejak sekian lama urusan zakat di negara kita diletakkan di bawah pentadbiran agama yang turut sama menguruskan wakaf dan harta pusaka umat Islam. Kedudukan itu meletakkan zakat sedikit terpencil daripada institusi kerajaan dan swasta lain yang aktif dalam menggerakkan ekonomi masyarakat. Oleh yang demikian keupayaan zakat sebagai agen memperbaiki taraf sosio-ekonomi umat

¹ Sebagai contoh kutipan zakat di Selangor pada 1995 adalah sebanyak RM15,895,317.89 meningkat ke RM133,156,386.00 pada 2005, terus meningkat ke RM159,934,013.00 pada tahun 2006 . Sumber : Laporan Pengurusan Zakat Selangor (LZS) 2005, h.68, Laporan Pengurusan Zakat Selangor (LZS) 2006.h. 48.

tidak begitu ketara di samping kelemahan dan kekurangan pada pihak pentadbiran agama selaku amil.²

Namun, apabila ekonomi negara berkembang pesat dan pengurusan kewangan dan aset sistematik, institusi agama yang turut mentadbir pelbagai urusan lain berkaitan agama Islam dilihat tidak begitu mampu untuk menguruskan semua aspek kewangan dan aset umat termasuk zakat. Hasil dari kesedaran itu, umat Islam di Malaysia mula menubuhkan institusi kewangan Islam moden bermula dengan penubuhan bank Islam dan takaful. Seterusnya institusi zakat bercirikan korporat pula ditubuhkan. Ini membuka dimensi baru terhadap tugas dan peranan amil moden.

Persoalan yang wajar dibincangkan kini adakah amil di institusi zakat moden itu harus kekal dengan tugas tradisinya iaitu mengutip dan mengagih zakat semata-mata, atau bolehkah mereka memikul tanggungjawab sebagai pihak pengurus dana yang dibenarkan melaburkan harta zakat, atau sebagai seorang pemodal yang membina perusahaan untuk asnaf, atau perlu ada garis panduan yang menetapkan sejauhmana tugas yang boleh dilaksanakan oleh mereka.

Amil dalam sejarah umat Islam, amil bukan individu tertentu yang melantik dirinya sendiri tetapi kewujudannya merupakan tanggungjawab dan lantikan pemerintah. Oleh itu keupayaan pemerintah memilih bentuk pentadbiran paling cekap untuk amil dilihat sebagai satu keputusan yang penting dan kritikal dalam usaha

² Abd Aziz Muhammad, (1993) *Zakat & Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 120.

menjelmakan hikmah dan matlamat zakat terutama dalam usaha membasmi kemiskinan umat.

Latar Belakang Kajian

Amil adalah sebahagian daripada golongan yang layak menerima zakat difahami secara jelas oleh setiap individu muslim menerusi al-Quran³. Amil berbeza berbanding asnaf lain kerana mereka merupakan golongan yang mengagihkan zakat itu sendiri. Walaubagaimanapun, perbahasan serius mengenai amil dilihat tidak begitu mendapat perhatian umum berbanding isu-isu lain yang berkaitan dengan kewangan Islam.

Hanya dalam dekad-dekad terakhir ini, barulah umat Islam memikirkan bahawa pengurusan zakat memerlukan kepada pendekatan baru yang lebih semasa. Ini terbukti dalam dekad yang lalu, apabila beberapa institusi pengurusan zakat moden yang bercirikan korporat ditubuhkan dengan pelbagai nama⁴ di seluruh negara umat Islam. Situasi ini telah mendorong pelbagai pihak terutama pihak yang bertanggungjawab terhadap urusan agama untuk menilai keperluan mereka terhadap penubuhan institusi zakat tersebut untuk diperaktikkan di wilayah masing-masing.

³ At-Taubah, ayat 60.

⁴ Di Malaysia contohnya di Selangor dikenali sebagai Lembaga Zakat, di Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat, di Indonesia dikenali sebagai BAZ/LAZ Badan Amil Zakat/ Lembaga Amil Zakat.

Masalah Kajian.

Penubuhan pelbagai institusi zakat sebagai amil moden ini dilihat sebagai suatu yang positif dan sesuai dengan kehendak zaman. Umat mengharapkan institusi ini mampu menjelmakan hikmah zakat dalam masyarakat terutama dalam menghapuskan kemiskinan selaras dengan perubahan dalam sistem pentadbiran zakat yang bersifat korporat. Persoalannya di sini, apakah pemodenan yang dilakukan terhadap pengurusan zakat ini masih selari dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat RA.

Walaupun penelitian terhadap rekod pengurusan zakat pada masa itu biasanya merujuk kepada perlantikan amil dan bidang tugas mereka secara ringkas. Adakah perbahasan mengenai amil yang direkodkan dalam al-Sunnah dan *athar* para Sahabat RA itu cukup memberi gambaran sejauhmana inovasi boleh dilakukan terhadap peranan amil dan pengurusan zakat. Perubahan urus tadbir zakat yang dahulunya diurus dalam skala yang kecil kini telah berubah dan memerlukan amil dalam bentuk organisasi korporat dan bukan sekadar lantikan individu. Oleh itu, pendedahan terhadap pengurusan zakat di zaman awal Islam dan kajian terhadap satu institusi zakat kontemporari diperlukan untuk dijadikan perbandingan dan asas kepada kemajuan dan sistematika operasi pengurusan zakat semasa.

Pemilihan kajian di Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang dianggap antara yang terkehadapan di negara kita dijangka dapat memberikan idea bagaimana peranan dan tugas para amil boleh berkembang dan berubah mengikut keperluan

semasa. Operasi LZS sebagai amil korporat diharapkan dapat diketahui dengan lengkap melalui kajian ini. Pendetailan operasi tersebut berupaya memberi gambaran jelas kepada pihak pembayar zakat apakah tugas dan kerja amil masakini yang hakiki. Sekaligus dapat meningkatkan kepercayaan pembayar zakat terhadap institusi amil.

Objektif Kajian

1. Mengkaji secara mendalam konsep dan peranan amil menurut syarak di dalam perlaksanaan ibadah zakat.
2. Menganalisis deskripsi tugas-tugas amil dan struktur organisasi amil di Lembaga Zakat Selangor Selangor (LZS).
3. Mengenalpasti sistem operasi amil LZS dan perkembangan program kutipan dan agihan LZS.

Kepentingan Kajian

1. Pendetailan terkini deskripsi tugas, operasi dan fungsi amil di Selangor boleh dijadikan panduan kepada institusi pengurusan dan pemegang dana zakat.
2. Sebagai perbandingan kepada institusi zakat di dalam memilih mekanisme dan sistem operasi yang terbaik di dalam memaksimumkan kutipan dan mencukupkan keperluan asnaf.
3. Memantap dan menjelaskan kepentingan amil di dalam usaha mempertingkatkan keupayaan zakat sebagai penyelesaian yang praktikal

terhadap masalah ekonomi umat sekaligus menambah kepercayaan pembayar zakat terhadap mereka.

4. Sebagai pembuka jalan kepada perkembangan dan pertambahan tugas-tugas amil sedia ada terhadap tugas-tugas baru yang perlu diwujudkan seiring dengan kemajuan zaman.

Metodologi Kajian

Metod penyelidikan utama yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan. Kajian dilakukan di perpustakaan-perpustakaan Universiti Malaya, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Akademi Zakat Selangor. Metod pengumpulan data digunakan dengan membuat penyelidikan dan rujukan di perpustakaan terlibat. Data-data yang digunakan adalah dalam bentuk dokumentasi dari pelbagai sumber rujukan seperti kitab-kitab, buku-buku akademik, latihan ilmiah, kertas kerja, jurnal, majalah, laporan tahunan dan dokumen-dokumen rasmi tempat kajian. Pengumpulan data melalui sumber internet dilakukan menerusi portal-portal berkaitan.

Selain daripada pengumpulan data menerusi kajian perpustakaan, penulis berhasil mendapatkan himpunan maklumat penting yang mempunyai kredibiliti hasil daripada metod temubual. Temubual dilakukan terhadap individu yang mempunyai autoriti di tempat kajian. Penulis telah menemubual lima orang individu yang merupakan pegawai di Lembaga Zakat Selangor (LZS) iaitu Haji Isa Wardi, *Ketua Unit Pusat Komuniti* di Jabatan Pembangunan Asnaf, Haji Khairul Azhan Amat,

Pegawai Kutipan di kaunter Zakat Subang Jaya (kini bertukar ke kaunter Cheras sebagai pegawai Unit Agihan), Haji Mohd Helmi Ahmad, *Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan*, Akademi Zakat Selangor, Mohd Farizan Subhi, *Eksekutif Dakwah*, Jabatan Dakwah dan Kutipan, Cik Norzaihawati Zainal, *Pegawai Penyelidik*, Akademi Zakat Selangor. Penulis juga telah menemubual seorang amil zakat fitrah yang berpengalaman lebih 20 tahun menjadi amil iaitu Haji Nasirin Bin Ahmad merangkap *Imam Masjid An-Nur*, Banting, Selangor.

Penganalisisan data dilakukan mengikut kesesuaian maklumat dan data yang diperolehi. Bagi data yang diperolehi melalui pembacaan dan kajian perpustakaan, penulis menyusun secara manual setiap bahan yang telah direkodkan. Penulis membahagikan sumber rujukan kepada primer dan sekunder. Manakala maklumat yang diperolehi melalui temubual, penulis telah mencatatkan butiran penting temubual tersebut dan membandingkan dengan data-data yang diperolehi melalui pembacaan.. Penganalisisan data temu bual dilakukan secara manual mengikut soalan-soalan yang dikemukakan.

Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada nas dan ulasan fuqaha' klasik/ kontemporari terhadap konsep dan definisi amil, hubungan antara amil dan ibadah zakat, syarat-syarat perlantikan amil secara umum dan khusus, kepentingan amil dalam perlaksanaan ibadah zakat, etika khas amil, isu ganjaran dan hak amil daripada harta zakat dan ruang lingkup peranan/tugas hakiki amil zakat. Fokus turut diberikan

terhadap sejarah pengutusan amil dan operasi pengurusan zakat di zaman Awal Islam yang bermula daripada era Rasulullah SAW. Seterusnya skop kajian menjurus kepada amil zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS), tumpuan pada latar belakang, organisasi pentadbiran, sejarah penubuhan, program-program kutipan dan agihan, inovasi pengurusan dan bidang kuasa serta peranan yang telah dimainkan LZS sebagai amil zakat moden.

Kajian Literatur

Melihat kepada kajian-kajian terdahulu, penulis mendapati banyak kajian yang telah dibuat terhadap pengurusan zakat. Begitupun, perbincangan khusus mengenai amil agak jarang kerana kebanyakan penulis suka merujuk kajian mereka langsung terhadap institusi zakat khususnya mengenai aspek kutipan dan agihan yang dilaksanakan. Penulis tidak menemui kajian khusus yang membicarakan konsep amil yang merentasi sejarah dan hubungannya dengan perkembangan amil di negeri Selangor khususnya di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Namun terdapat kajian-kajian yang dirasakan telah banyak membantu penulis. Antaranya :

Kitab Fiqh Zakat karya Yusof al-Qaradawi,⁵ Buku ini membahaskan isu amil zakat bermula dari sejarah perlantikan amil di zaman Rasulullah sehingga isu-isu yang berkaitan dengan amil seperti hak, peranan, sumbangan dan kepentingan

⁵ Al-Qaradawi, Yusof (1999), *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah li-Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wal-Sunnah*, c.24, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, dan terjemahan ke dalam bahasa Indonesia di bawah tajuk *Hukum Zakat, Studi Komparatif mengenai Status dan Filsafah Zakat berdasarkan Quran dan Hadis* oleh Salman Harun, Didin Hafidhuddin, Hasanudin (2001), c.5, Jakarta: P.T Pustaka Litera AntarNusa.

mereka di dalam pentadbiran zakat. Manakala buku Pengurusan Zakat karya Mahmood Zuhdi Abd Majid membincarkan soal hubungan zakat dengan negara memberikan idea bagaimana amil zakat seharusnya berperanan agar keluar dari tradisi dan kaedah lama mengutip zakat menuju ke arah yang lebih progresif seiring dengan institusi kewangan Islam yang lain tetapi dalam acuannya yang tersendiri.⁶

Topik Tanggungjawab Amil dalam Konteks Kontemporari merupakan tulisan Mujaini Tarimin⁷. Kertas kerja ini membincangkan rasional pembayaran zakat kepada amil dan dan isu-isu berkaitan tanggungjawab amil serta huraian adab-adab seorang amil ketika bersemuka dengan pembayar zakat. Seterusnya buku Zakat and Rural Development in Malaysia tulisan Abdul Aziz Muhammad⁸. Buku yang dihasilkan berasaskan kepada tesis Phd beliau ini di dalam bab dua dan tiga ada menyentuh isu perlantikan amil zakat bermula pada zaman awal Islam dan menerangkan proses perlantikan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia pada zaman penjajahan dan pada tahun-tahun 80-an.

Manakala tesis Sarjana bertajuk Kutipan Zakat dan Agihannya : Satu Kajian Di Zaman Awal Islam tulisan Humam Bin Daud⁹ mengemukakan senarai panjang para amil yang dilantik pada era Nabi s.a.w dan sahabat dan menjelaskan rasional perlantikan mereka berdasarkan keperluan semasa pada waktu itu di mana

⁶ Mahmood Zuhdi Abd Majid, (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

⁷ Mujaini Tarimin, (2005), *Tanggungjawab Amil dalam Konteks Kontemporari*, Kertas Kerja 10, *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, h. 134 - 140.

⁸ Abd Aziz Muhammad, (1993) *Zakat & Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h. 38-52 , h. 110-118, h. 175-188.

⁹ Humam bin Daud, (2004) *Kutipan Zakat dan Agihannya, Satu Kajian Awal Islam*, Tesis Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004/2005.

empayar Islam dalam proses awal perluasan wilayahnya.

Seterusnya buku bertajuk Zakat, Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan merupakan himpunan kertas kerja yang disunting oleh Hailani Muji Tahir dan Abd Ghafar Ismail mengandungi beberapa kertas kerja yang berkaitan dengan institusi amil dari beberapa aspek.¹⁰ Antaranya kertas kerja Mohd Safri Mahat yang bertajuk Zakat Perniagaan : Cabaran Perlaksanaan di Malaysia¹¹. Kertas kerja ini mencatatkan antara cabaran kutipan zakat terhadap komuniti perniagaan ialah kurangnya keyakinan terhadap keupayaan dan sifat profesional amil menguruskan zakat dan timbul banyak keraguan dalam soal ketelusan pengagihan. Ini disebabkan banyak faktor, antara lain, perlantikan amil yang tidak mahir dalam pengurusan kewangan moden, ketidakmampuan institusi zakat menggaji tenaga mahir dan berpengalaman dan tidak melatih pekerja sedia ada. Manakala kertas kerja oleh Ahmad Hidayat Buang yang bertajuk Dilema Perundangan Zakat di Malaysia mencatatkan sejarah perundangan, peraturan dan penguatkuasaan zakat beberapa buah negeri di Malaysia.¹²

Penulis mendapat beberapa maklumat tambahan mengenai urus tadbir zakat daripada IKAZ iaitu Institut Kajian Zakat Malaysia (yang ditubuhkan di UiTM Melaka pada 2003). IKAZ berperanan sebagai salah satu pusat perkembangan ilmu yang berorientasikan penyelidikan dan perundingan (R&D) memainkan peranan

¹⁰ Abd Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (2006), *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*, Bangi: Penerbitan UKM.

¹¹ *Ibid*, bab. 12 , h. 174-197.

¹² *Ibid*, bab. 19, h. 325-336.

penting untuk menggalakkan perkembangan ilmu yang signifikan dan dapat di aplikasikan untuk meningkatkan integriti institusi zakat.¹³

Kajian penulis menumpukan kepada beberapa aspek penting di dalam menghuraikan peranan dan tugas amil bermula dengan perbahasan dan pendedahan rekod-rekod pengurusan zakat di zaman awal Islam yang dapat dikesan melalui perlantikan dan pengutusan amil-amil ke serata wilayah umat Islam, perbahasan mengenai tugas-tugas amil yang dibicarakan oleh fuqaha' silam dalam penulisan-penulisan mereka.

Kajian ini menganalisis beberapa isu yang sering dikaitkan dengan amil dan mengkaji hubungan amil dengan perubahan semasa melalui pengurusan sebuah institusi zakat kontemporari yang mewakili salah sebuah amil korporat di negara kita iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Kajian ini berusaha membandingkan deskripsi gerak kerja amil zaman silam dengan amil moden dari sudut persamaan dan perbezaan tugas, struktur pentadbiran dan sejauhmana perkembangan dan inovasi tugas amil hari ini. Kajian ini tertumpu kepada amil di LZS kerana penulis ingin mendapatkan maklumat terperinci bagaimana LZS berfungsi sebagai amil baik sebagai satu institusi amil yang

¹³ Maklumat daripada buku terbitan IKAZ contohnya buku *Kajian Terhadap Amalan Perakaunan Pengurusan Dalam Aspek Agihan Dana dari Perspektif Pengurus Zakat*, Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), UiTM dan laman web IKAZ : <http://melaka.uitm.edu.my/>, diakses pada 20 Mei 2007.

bercirikan korporat mahupun kakitangan LZS yang berperanan sebagai amil secara individu.

Kajian penulis berbeza kerana menghimpunkan perbahasan mengenai amil meliputi tugas, peranan dan tanggungjawab dalam sejarah awal umat Islam dan penulis cuba melihat bagaimana penelitian fuqaha terhadap fungsi amil silam ini memberi kesan dan manfaat kepada operasi insitusi zakat moden.